# Kotak sahaja basah, bukan radioaktif bocor

MyMetro | Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 7 November 2019 @ 6:16 PM



PASUKAN HAZMAT membuat pemeriksaan ke atas kotak barang perubatan yang dilaporkan mengalami kebocoran cecair radioaktif. FOTO Ihsan Bomba.

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengesahkan gudang kargo Pos Aviation Sdn Bhd berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), selamat dan tiada kebocoran bahan radioaktif.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Selangor, Hafisham Mohd Noor berkata, ia selepas pemeriksaan dilakukan pasukannya bersama Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) terhadap kotak yang basah di lokasi kejadian, hari ini.

Katanya, kotak berkenaan mengandungi barangan perubatan seberat 20 kilogram (kg) termasuk cecair Iridium Metalsolid 192 yang disahkan bahan radioaktif serta amat berbahaya.

"Selepas pemeriksaan bersama AELB, kita dapati tiada kebocoran. Kakitangan di Pos Aviation Sdn Bhd mendapati basahan di kotak. Saya nampak kakitangan ini mempunyai kesedaran yang tinggi.

"Bagaimanapun, apabila kita periksa ternyata tiada kebocoran dan kini dalam keadaan selamat," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi kejadian di Sepang, hari ini.

Pada masa sama, beliau menegaskan lokasi itu selamat dan pemeriksaan selesai pada 3.30 petang.

"Lebih 40 kakitangan dibenarkan memasuki bangunan kecuali kawasan berkaitan sahaja yang kita kawal. Kita minta syarikat berkaitan untuk mengambil barang berkenaan. Selain itu, kotak berkenaan juga sudah dibungkus supaya tidak berlaku kebocoran," katanya.

Ditanya mengenai basah pada kotak itu, Hafisham berkata, pihaknya tidak pasti mengenai punca berkenaan namun mengesahkan ia bukan daripada bahan radioaktif.

"Kita tidak tahu yang basah itu apa dan apabila diperiksa sekeliling, ternyata tiada kebocoran. Basahan itu bukan daripada bahan berkenaan.